

Headline	Malaysia tunggu jawapan Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	6	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,076
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,227



PERMOHONAN TAMBAH KUOTA JEMAAH HAJI

Malaysia tunggu jawapan Arab Saudi

Sepang: Malaysia sedang menunggu maklum balas Arab Saudi berhubung permohonan mendapatkan tambahan kuota 10,000 jemaah haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata permohonan itu dibuat Lembaga Tabung Haji (TH) baru-baru ini, selepas kerajaan negara itu mengekalkan kuota 22,320 jemaah, sama seperti tahun lalu.

Katanya, kuota itu kurang 20 peratus daripada kuota asal 27,900 jemaah Malaysia berikutan pengurangan kuota haji kepada semua negara disebabkan kerja pembesaran kawasan sekitar Masjidil Haram.

Jamil Khir berkata, jika permohonan itu diluluskan, ia akan menjadi berita gembira dan memberi harapan kepada mereka yang tercicir untuk menunaikan haji sebelum ini.

"Jika tidak dapat pertambahan kuota 10,000, memadai jika Kerajaan Arab Saudi memenuhi kuota asal iaitu 27,900 jemaah. Besar harapan supaya permohonan ini diluluskan, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, turut

menyuarakan perkara yang sama," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita sejurus tiba dari Arab Saudi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Jamil Khir berada di negara itu untuk mewakili Kerajaan

Malaysia pada mesyuarat dengan Menteri dan Kementerian Haji Arab Saudi.

Selain itu, katanya, isu pengurangan 20 peratus kuota haji dijangka berlarutan sehingga 2016 iaitu selepas selesai pembesaran kawasan di sekitar Masjidil Haram.

Katanya, penerbangan pertama musim haji tahun ini dijadualkan pada 27 Ogos depan, manakala penerbangan terakhir pada 27 September.

Dalam perkembangan lain, Jamil Khir berkata, Kerajaan Arab Saudi memaklumkan 21 jemaah haji Malaysia tahun lalu gagal dikesan dan belum keluar dari negara hingga kini.

Mengenai mesyuarat yang dihadapinya, Jamil Khir berkata, kerajaan Arab Saudi akan menggunakan sepenuhnya sistem E-Haji iaitu pengendalian secara atas talian dalam urusan haji tahun ini.